



MAJLIS ISLAM SARAWAK

# ASSALAM

MAJLIS ISLAM SARAWAK



**PUBLIC LECTURE ISLAM DAN  
KEMANUSIAAN**

**MAJLIS PENYERAHAN AGIHAN  
BANTUAN ASNAF**

**MAJLIS TILAWAH DAN  
MENGHAFAZ AL-QURAN  
MATTARY 2024**



# KANDUNGAN

**01**

## TINTA PERSADA

Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak

**02**

## DARI MEJA KETUA EDITOR

**03**

## LAMAN PAHALA

**05**

## TABUNG BAITULMAL SARAWAK

Majlis Penyerahan Agihan Bantuan

**07**

## JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SARAWAK

Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak sebagai penanda aras pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (JKSS)

**09**

## JABATAN MUFTI SARAWAK

Menghayati Pesona Hikmah dalam Ajaran Nabi

**11**

## JABATAN AGAMA ISLAM SARAWAK

Forum melahirkan keluarga bebas keganasan: Merangkai kasih, keluarga sakinah sempena sambutan bulan keluarga kebangsaan peringkat Sarawak 'Kasih Keluarga, Jiwa Madani'

**13**

## BIRO PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

Jerayawara i-Murabbi dan Wacana Ilmu (BPP)

**15**

## MA'HAD TAHFIZ TUN ABDUL RAHMAN YA'KUB

Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Ma'had Tahfiz Tun Abdul Rahman Ya'kub (MATTARY) 2024

**17**

## ISLAMIC INFORMATION CENTRE

Public lecture: Islam dan Kemanusiaan

**19**

## CADANGAN DAN KOMEN

# SIDANG EDITOR BULETIN ASSALAM

## **Penaung**

Yang Dipertua MIS

**Datuk Haji Misnu bin Haji Taha**

## **Penaung II**

Mufti Sarawak

**Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Haji Yassin**

## **Ketua Editor**

Tazudin Mohtar

## **Editor Kanan**

Madiah bt Haji Salleh

Radiyah binti Affandi

Hasroliza binti Bolhassan

Noraida binti Sharif

## **Editor Bersekutu**

Muhamad Zakaria bin Haji Ashmat

Muhammad Hishyamuddin bin Yahya

Abg Abdul Qayyum Abg Hasbollah

Nur Rahimin bin Rahim

Ustaz Haji Fadlullah bin Abdullah

Huda Diyana binti Datu Haji Kipli

Azwan Kajang

Aina Syafiqah binti Musa

Nur Farahen binti Yunus

Nur Atikah binti Bujang

Adi Azhar bin Haji Muhd Rusdi

## **Pereka Grafik & Pereka Letak**

IIC-MIS

## **Sekretariat**

IIC-MIS

## **Penerbit Buletin**

Majlis Islam Sarawak

## **Diterbitkan oleh**

Majlis Islam Sarawak

Pejabat Majlis Islam Sarawak

Aras 16 & 17, Majma' Tuanku

Abdul Halim

Mu'adzam Shah

Jalan P.Ramlee

93400 Kuching

Tel. : 082-507251



# TINTA PERSADA

**Datuk Haji Misnu bin Haji Taha**  
Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam, yang telah melimpahkan rahmat dan hidayah-Nya kepada kita. Selawat dan salam ke atas junjungan kita, Nabi Muhammad SAW, insan yang membawa cahaya petunjuk ke seluruh alam, bersama keluarga dan sahabat-sahabat Baginda. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Sidang Editor Buletin Assalam atas komitmen dan usaha gigih mereka dalam menerbitkan edisi keempat, yang juga merupakan edisi terakhir bagi tahun 2024.

Edisi ini memfokuskan kepada aktiviti dan program yang telah berlangsung sepanjang bulan Oktober hingga Disember. Penerbitan buletin ini amat dinantikan oleh masyarakat Islam di Sarawak kerana ia berfungsi sebagai medium utama untuk menyebarkan maklumat berkaitan hal ehwal Islam serta program-program yang dianjurkan oleh Majlis Islam Sarawak. Diharapkan Buletin Assalam terus memainkan peranan penting sebagai platform tepat untuk menyebarkan informasi terkini.

Melalui edisi ini, kami berharap dapat terus memperkasa komuniti Islam dengan perkongsian ilmu yang bermakna serta memupuk kefahaman yang lebih mendalam tentang ajaran Islam. Saya juga berharap agar Buletin Assalam ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pembaca, menjadi sumber rujukan yang berguna, dan membantu menyebarkan mesej Islam yang membawa kebaikan kepada ummah. Terima kasih sekali lagi kepada seluruh Sidang Editor atas usaha dan dedikasi mereka dalam menghasilkan buletin yang berkualiti. Semoga Allah SWT memberkati segala usaha kita semua.



## DARI MEJA KETUA EDITOR

**Tazudin Mohtar**  
Ketua Editor Buletin Assalam

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda. Dengan penuh kesyukuran, Buletin Assalam edisi keempat, edisi terakhir untuk tahun 2024 berjaya diterbitkan sebagai medium penyampaian ilmu dan maklumat kepada masyarakat. Edisi ini mengumpulkan segala aktiviti dan program yang berlangsung sepanjang bulan Oktober hingga Disember.

Semoga penerbitan ini menjadi rujukan bermanfaat serta wadah dalam memperkukuhkan kefahaman dan ukhuwah dalam kalangan masyarakat. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada sidang editor Buletin Assalam yang komited dalam memastikan penerbitan buletin ini berjalan dengan lancar. Tidak dilupakan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan edisi ini, termasuk penyumbang artikel dan sidang redaksi yang sentiasa memberikan komitmen serta dedikasi mereka. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada para pembaca yang sentiasa menyokong serta menjadikan Buletin Assalam sebagai bahan rujukan yang bermanfaat.

Semoga setiap perkongsian dalam buletin ini dapat menyemarakkan ilmu dan meningkatkan kefahaman kita dalam pelbagai aspek kehidupan, khususnya yang berkaitan dengan agama dan masyarakat. Akhir kata, semoga usaha kecil ini mendapat keberkatan Allah swt dan menjadi asbab kebaikan kepada kita semua. Kami amat mengalu-alukan maklum balas serta cadangan daripada para pembaca untuk terus menambah baik kualiti penerbitan buletin ini pada masa akan datang.

# LAMAN PATAHA

## SAYYIDUL ISTIGHFAR

< Reminder

⋮ Done

Februari 28, 2025 at 18:23 PM

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا  
عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ ،  
أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ ، أَبُوءُ لَكَ  
بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي ، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ  
لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ .

Sumber: Jabatan Mufti Sarawak

< Reminder

⋮ Done

Februari 28, 2025 at 18:23 PM

**Penghulu istighfar ialah dengan mengucapkan:**

Ya Allah, Engkau adalah Rabku, tidak ada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau, Engkau menciptakan aku dan aku adalah hamba-Mu. Aku di atas perjanjian-Mu dan janji-Mu sesuai dengan kemampuanku. Aku berlindung kepada-Mu dari keburukan perbuatanku, aku mengakui nikmat-Mu kepadaku dan aku mengakui dosaku kepada-Mu. Maka ampunilah aku kerana sesungguhnya tiada yang dapat mengampuni dosa-dosa melainkan Engkau.

Sumber: Jabatan Mufti Sarawak

# MAJLIS PENYERAHAN AGIHAN BANTUAN ASNAF

Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) telah menganjurkan Majlis Penyerahan Agihan Bantuan kepada para asnaf bertempat di Galeri Ummah Distribution Centre (UDC), Medan Hamidah, Jalan Bako, Kuching. Majlis yang berlangsung dengan penuh kesyukuran ini telah dirasmikan oleh YBhg. Mejar (K) Datu Haji Abg Mohd Shibli Bin Haji Abg Mohd Nailie, Pengurus Besar Tabung Baitulmal Sarawak.

Dalam majlis tersebut, sejumlah RM44,945.00 telah diagihkan kepada 28 orang asnaf melalui dua program utama TBS, iaitu Program Mengukuhkan Tradisi Keilmuan dan Program Memantapkan Kebajikan Ummah. Agihan bantuan ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan TBS dalam membantu golongan yang memerlukan dan memastikan kesejahteraan ummah sentiasa terjaga.

Selain daripada agihan bantuan kepada asnaf, majlis ini turut menyaksikan penyerahan Zakat Perniagaan oleh Kumpulan FGV Holdings Berhad. Penyerahan zakat tersebut telah disempurnakan oleh Pegawai Agama FGVPM, Ustaz Mohd Farid Bin Baharudin kepada Pengurus Besar TBS, YBhg. Datu Haji Abg Mohd Shibli Bin Haji Abg Mohd Nailie. Zakat yang diserahkan berjumlah RM218,250.00 bagi tahun berakhir 31 Disember 2023, sebagai salah satu bentuk tanggungjawab sosial korporat dalam membantu golongan yang memerlukan.

Sebagai makluman, sepanjang tempoh Januari 2024 hingga 30 September 2024, Tabung Baitulmal Sarawak telah mengagihkan sejumlah RM82.29 juta kepada asnaf-asnaf yang layak melalui empat program utamanya, iaitu:



Program ini juga bertujuan untuk mengeratkan ikatan silaturrahim antara Tabung Baitulmal Sarawak dengan komuniti Sibu serta mengajak masyarakat setempat untuk sentiasa menjaga kebersihan diri. Kehadiran masyarakat komuniti Sibu dalam majlis ini membuktikan keprihatinan mereka terhadap usaha yang dijalankan oleh TBS dalam membantu golongan yang kurang berkemampuan.

Tabung Baitulmal Sarawak terus komited dalam memperkasakan kebajikan dan kesejahteraan ummah menerusi pelbagai program bantuan dan pembangunan masyarakat. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan dengan lebih giat pada masa hadapan demi kesejahteraan bersama.



G  
A  
L  
L  
E  
R  
I  
  
T  
B  
S

## JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SARAWAK SEBAGAI PENANDA ARAS PELAKSANAAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM

Ekosistem Kondusif Sektor Awam atau lebih dikenali sebagai EKSA merupakan inisiatif daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan atau MAMPU untuk menambah baik Amalan 5S dan sebagai langkah untuk memperkukuhkan budaya berprestasi tinggi dan inovatif dalam sektor awam melalui persekitaran, budaya kerja dan nilai. Objektif penjenamaan semula ini adalah bertujuan seperti berikut:

- ✓ Meningkatkan imej korporat
- ✓ Menggalakkan aktiviti ke arah mewujudkan persekitaran hijau melalui pembudayaan Go Green
- ✓ Menyemarakkan aktiviti kreativiti dan inovasi selaras dengan tuntutan Pihak Berkepentingan
- ✓ Memperluaskan pelaksanaan di agensi-agensi Kerajaan
- ✓ Memastikan elemen pengauditan memenuhi keperluan kepelbagaian organisasi/ agensi Kerajaan

Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak (JKSS) juga tidak ketinggalan dalam menyahut seruan Kerajaan dalam inisiatif ini sejak 2017. Pada tahun 2019, JKSS telah menerima pengiktirafan daripada pihak MAMPU melalui Persijilan EKSA untuk tempoh dua (2) tahun. Pada masa itu, JKSS telah diberi pengiktirafan khas untuk melaksanakan Audit Dalam secara DIY (Do-It-Yourself).

Sejak itu, JKSS secara konsisten melaksanakan amalan-amalan EKSA bagi memastikan objektif-objektif pelaksanaan tercapai. Semenjak itu, JKSS telah menjadi suri teladan kepada Jabatan serta Agensi Kerajaan Sarawak mahupun Persekutuan.

Kini, JKSS telah menerima beberapa siri lawatan sambil belajar dan penanda aras daripada beberapa Jabatan dan Agensi Kerajaan antaranya adalah Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Sarawak, Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Sarawak dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Sarawak. Melalui lawatan penanda aras ini, peserta dapat belajar serta bertukar-tukar pendapat sesama Jawatankuasa Induk EKSA yang telah ditubuhkan di setiap Jabatan atau Agensi.

Yang Amat Arif Datu Haji Awg Suhaili bin Ledi, Ketua Hakim Syarie Sarawak selaku Penasihat Jawatankuasa Induk EKSA JKSS sangat mengutamakan serta menekankan tentang nilai-nilai EKSA di JKSS dalam memastikan JKSS sentiasa produktif dan kreatif dalam tugas seharian agar sentiasa dapat menepati serta memenuhi kehendak pelanggan. Beliau juga mengutamakan amalan-amalan EKSA dalam mengekalkan imej JKSS sebagai badan kehakiman syariah yang berwibawa.

Menuju masa hadapan, JKSS akan sentiasa menyokong inisiatif-inisiatif kualiti anjuran Kerajaan secara menyeluruh bermula daripada Ibu Pejabat JKSS hingga ke pejabat-pejabat di peringkat bahagian di seluruh Sarawak.

Lawatan Penanda Aras  
daripada Jabatan  
Akauntan Negara  
Malaysia, Sarawak



Lawatan ke Jabatan  
Kastam Diraja Sarawak  
oleh Jabatan Kehakiman  
Syariah Sarawak



Lawatan ke Jabatan  
Kastam Diraja Sarawak  
oleh Jabatan Kehakiman  
Syariah Sarawak



# GALERI JKSS

Lawatan Penanda Aras  
daripada Kementerian Sumber  
Asli dan Perancangan Bandar  
Sarawak



Lawatan Penanda Aras  
daripada Kementerian Sumber  
Asli dan Perancangan Bandar  
Sarawak



## MENGHAYATI PESONA HIKMAH DALAM AJARAN NABI

Ilmu Hadis adalah salah satu cabang ilmu yang amat penting dalam tradisi Islam kerana ia merupakan kunci untuk memahami dan mengamalkan ajaran Nabi Muhammad SAW dengan tepat dan sahih. Hadis sebagai sumber hukum kedua selepas al-Quran sebagai pedoman hidup yang menyeluruh merangkumi segala aspek kehidupan seperti akidah, ibadah, muamalat, dan akhlak. Oleh itu, memahami hadis bukan sekadar mendengar atau menghafal, tetapi juga melibatkan pemahaman tentang cara hadis tersebut disampaikan, disaring, dan diterima sepanjang zaman. Allah SWT berfirman yang bermaksud:



Pada 21 Rabiulakhir 1446 bersamaan 24 Oktober 2024 (Khamis), Daurah al-Hadis 1446H/2024M telah diadakan di The Waterfront Hotel, Kuching dengan penyertaan 64 peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai daripada agensi Islam di Sarawak termasuk Majlis Islam Sarawak (MIS), Jabatan Mufti Sarawak (JMS), Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak (JKSS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Sarawak (JAKIM), Pusat Penerangan Islam (IIC-MIS), Biro Perkhidmatan Pendidikan (BPP-MIS), Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), dan banyak lagi.



"...dan apa-apa yang diperintahkan Rasul kepada kamu, maka terimalah, dan apa-apa yang dilarangnya, maka tinggalkanlah..."

### (Surah Al-Hasyr 59:7)

Ayat ini menegaskan betapa pentingnya mengikuti ajaran yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Oleh itu, mempelajari hadis adalah ibadah yang mulia dan Rasulullah SAW juga mendoakan mereka yang mempelajari dan menyampaikan hadis baginda.

Program ini telah dikendalikan oleh YBhg. Prof Madya Dr. Umar Muhammad Noor, Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah. Beliau merupakan seorang pakar dalam bidang hadis telah berkongsi ilmu yang mendalam mengenai beberapa topik yang sangat relevan, antaranya adalah Manhaj Ahli Hadith dalam Mentafsirkan Matan Hadith, Hashwiyyah dan Cabaran Literalisme dalam Ilmu Hadith, serta Hubungan Hadith dan Konteks: Contoh Hadith-hadith yang Sering Disalahfahami.

Penganjuran Daurah Hadis ini selari dengan dasar Majlis Islam Sarawak iaitu Pelan Tindakan Majlis Islam Sarawak 2021-2030 (PTMIS 21-30). Daurah Hadis ini sejajar dengan tindakan “mengadakan program pembudayaan al-Quran dan Hadis” di bawah pendekatan “memperkasakan pembelajaran dan penghayatan al-Quran dan as-Sunnah, Strategi 3: Meningkatkan Kualiti Ummah, bidang Dakwah.



Daurah Hadis ini menepati agenda utama PTMIS 21-30 iaitu bidang dakwah. Bidang dakwah diberi fokus utama kerana bertujuan meningkatkan kuantiti pendakwah yang berkualiti serta menguruskan gerakan dakwah secara efisien dan sistematik. Justeru, daurah ini bukan sahaja memberi pengetahuan tentang teknik mentafsirkan hadis, tetapi juga menekankan betapa pentingnya menerima hadis dengan kefahaman yang jelas agar ajaran Rasulullah SAW dapat diamalkan dengan tepat. Beliau juga mengajak peserta untuk melihat hadis dalam perspektif yang lebih luas, dengan mempertimbangkan perubahan zaman dan keperluan untuk memperbaharui pemahaman agar sesuai dengan keperluan umat masa kini. Pemahaman hadis yang baik menatijahkan penyampaian dakwah yang berkesan.

Daurah ini diakhiri dengan sesi penyerahan cenderamata oleh JMS kepada pembentang sebagai tanda penghargaan terhadap sumbangan ilmu beliau. Harapan utama daripada penganjuran program ini adalah untuk memperkasakan pengetahuan para peserta mengenai hadis dan mewujudkan kefahaman yang lebih mendalam tentang ajaran Rasulullah SAW.

Dengan ini, Daurah al-Hadis 1446H/2024M bukan sahaja berjaya menyemarakkan semangat pencarian ilmu, tetapi juga memberi peluang untuk umat Islam memahami keindahan dan keutuhan ajaran Rasulullah SAW dengan cara yang lebih tepat dan menyeluruh.

## **FORUM MELAHIRKAN KELUARGA BEBAS KEGANASAN: MERANGKAI KASIH, KELUARGA SAKINAH SEMENA SAMBUTAN BULAN KELUARGA KEBANGSAAN PERINGKAT SARAWAK ‘KASIH KELUARGA, JIWA MADANI’**

Forum Melahirkan Keluarga Bebas Keganasan: Merangkai Kasih, Keluarga Sakinah telah diadakan dengan jayanya pada Selasa, 26 November 2024 di Pustaka Negeri Sarawak. Forum yang dianjurkan oleh Bahagian Kemajuan Keluarga Islam, Jabatan Agama Islam Sarawak ini merupakan salah satu program yang dilaksanakan sempena Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan Peringkat Sarawak bertemakan ‘Kasih Keluarga, Jiwa Madani’.

Program ini telah dihadiri seramai 120 orang peserta dalam kalangan penjawat awam dan orang awam secara bersemuka dan selebihnya secara dalam talian melalui siaran langsung di laman Facebook. Forum ini telah mengupas dengan tuntas tajuk berkaitan konflik rumah tangga khususnya keganasan rumah tangga oleh empat orang ahli panel forum yang pakar dalam bidang masing-masing.

Ahli Panel pertama ialah Dr Zuriatunfadzliah binti Sahdan, merupakan Pensyarah Kanan, Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Ahli Panel kedua pula ialah Dr Seri Diana binti Mahmud Affandi, merupakan Pakar Perubatan Kecemasan & Trauma, Jabatan Kecemasan & Trauma, Hospital Umum Sarawak. Manakala Ahli Panel ketiga ialah Ustaz Jamaludin bin Haji Taim, Ketua Pendaftar Nikah Cerai dan Ruju’ Sarawak, merangkap Ketua Bahagian Kemajuan Keluarga Islam, Jabatan Agama Islam Sarawak dan Ahli Panel keempat ialah Tuan Suhardi bin Bujang, Pegawai Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak.

Perkongsian ilmu yang penuh fakta dan teliti dari segenap perspektif dalam forum ini diharap dapat membuka mata masyarakat tentang realiti isu yang berkaitan dan langkah-langkah pencegahan yang boleh diambil bagi melahirkan keluarga yang tenang dan Sejahtera daripada ancaman keganasan.

Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan diteruskan dengan Majlis Perasmian yang disempurnakan oleh Yang Berbahagia Ustaz Haji Mual bin Haji Suaud, Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak. Dalam ucapan perasmian, beliau menyeru masyarakat khususnya umat Islam untuk berkasih sayang dengan ahli keluarga masing-masing dan mengatasi konflik keluarga dengan mendapatkan bantuan sebaiknya daripada pihak Jabatan Agama Islam Sarawak.

Semoga dengan penganjuran forum dan sambutan Bulan Keluarga ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat dalam usaha sama membentuk keluarga harmoni yang patuh syariah, tenang dan sejahtera.





**GALERI JAIS**

## JERAYAWARA i-MURABBI DAN WACANA ILMU

Jerayawara i-Murabbi dan Wacana Ilmu merupakan satu inisiatif yang dirangka untuk memperkenalkan peranan dan tanggungjawab Biro Perkhidmatan Pendidikan Majlis Islam Sarawak (BPP-MIS) dalam menerapkan agenda pembangunan ummah melalui pendidikan yang seiring dengan aspirasi Pelan Tindakan Majlis Islam Sarawak (PTMIS) 2021 – 2030 dalam Bidang Pendidikan (Strategi 3), iaitu "Meningkatkan keprihatinan golongan pendidik tentang agenda pembangunan ummah".

Program Jerayawara i-Murabbi yang dilaksanakan di Mega Hotel Miri pada 18 dan 19 Oktober 2024 ini telah dihadiri seramai 165 orang peserta yang terdiri daripada pendidik muslim (Pegawai PPD, Pengetua dan Guru Besar, Penolong Kanan, Ketua Bidang/ Panitia serta guru akademik) dari bahagian Bintulu, Miri, Limbang dan Daerah Lawas yang bertujuan untuk:

Program diteruskan dengan Wacana Ilmu yang dilaksanakan pada 20 Oktober 2024 dengan dihadiri seramai 185 orang peserta yang terdiri daripada pendidik muslim (daripada bahagian Bintulu, Miri, Limbang dan Daerah Lawas) serta dimeriahkan lagi dengan kehadiran jemputan khas daripada Pejabat Pendidikan Daerah Miri, wakil agensi-agensi Islam, Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan fasilitator-fasilitator BPP-MIS.



01

Memperkenalkan peranan dan tanggungjawab Biro Perkhidmatan Pendidikan Majlis Islam Sarawak (BPP-MIS);

02

Memberi pendedahan tentang Pelan Tindakan Majlis Islam Sarawak khusus dalam bidang pendidikan serta penggunaan sistem i-Murabbi dalam pelaksanaannya; dan

03

Mengumpul maklumat pendidik Islam dari mana-mana institusi pendidikan dan menetap di negeri Sarawak.

Tajuk Wacana Ilmu iaitu Pendidikan Ummah: Peranan dan Tanggungjawab Komuniti ini telah disampaikan oleh:

- Moderator: Haji Mahli bin Rosli  
(Pengurus Bahagian Jaminan Kualiti, BPP-MIS)
- Panel 1: Encik Naser bin Ramli  
(Penolong PPD Samarahan)
- Panel 2: Puan Hanim binti Sherbini  
(Pengerusi Kumpulan Sokongan Ibu Bapa)
- Panel 3: Haji Abang Mat Ali bin Abang Masagus  
(Timbalan Pengarah, BPP-MIS)
- Panel 4: Puan Syuriani binti Osman Surkano  
(Fasilitator, BPP-MIS)



# MAJLIS TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL-QURAN MA'HAD TAHFIZ TUN ABDUL RAHMAN YA'KUB 2024

Sesi saringan Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Ma'had Tahfiz Tun Abdul Rahman Ya'kub (MATTARY) 2024 telah berlangsung pada 20 hingga 22 Disember 2024 yang lalu. Sesi saringan ini telah disertai oleh 219 orang peserta bagi kategori hafazan dan 172 orang peserta bagi kategori tilawah. Saringan ini diadakan bagi memilih murid yang benar-benar layak untuk ke peringkat akhir, iaitu Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran MATTARY 2024.

Bagi kategori hafazan, johan dengan markah tertinggi disandang oleh adik Ahmad Umar Al Fateh bin Ahmad Ulfarizi dari kelas 2 Al-Biruni. Manakala bagi kategori tilawah, persembahan terbaik dimenangi oleh adik Alisha Izz Zara binti Abdullah dari kelas 4 Al-Biruni. Selain itu, video montaj sepanjang Program Tilawah dan Menghafaz Al-Quran berlangsung turut ditayangkan kepada para tetamu. Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh tetamu kehormat pada majlis tersebut. Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderamata dan sesi bergambar bersama tetamu jemputan serta para pemenang.



Peringkat akhir MATTARY 2024 akan diadakan pada 10 dan 11 Disember 2024, dengan hanya lapan orang peserta dipilih bagi setiap kategori. Bagi bahagian hafazan, terdapat enam kategori yang dipertandingkan, iaitu:


- KATEGORI 1**  
Surah Ad-Dhuha hingga An-Nas
- KATEGORI 2**  
Surah Al-Insyiqaq hingga An-Nas
- KATEGORI 3**  
Surah An-Naba' hingga An-Nas
- KATEGORI 4**  
Hafazan 2 juzuk
- KATEGORI 5**  
Hafazan 3 juzuk
- KATEGORI 6**  
Hafazan 4 juzuk

Sementara itu, bagi bahagian tilawah, terdapat empat kategori, iaitu:

- KATEGORI 1** Murid tahap satu (lelaki)
- KATEGORI 2** Murid tahap satu (perempuan)
- KATEGORI 3** Murid tahap dua (lelaki)
- KATEGORI 4** Murid tahap dua (perempuan)

Pada 14 Disember 2024 pula, telah berlangsung majlis perasmian penutupan Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran MATTARY 2024 di Dewan Serbaguna MATTARY. Majlis ini telah dihadiri oleh tetamu kehormat, Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Haji Yassin, Mufti Negeri Sarawak merangkap Penasihat Lembaga Pengelola MATTARY. Pengumuman pemenang dan ulasan daripada ketua hakim telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Safwan bin Mahli. Pada majlis tersebut, turut diadakan satu persembahan khas sebagai penutup rasmi acara.

Dengan berlangsungnya majlis ini, diharapkan para peserta dapat terus meningkatkan penguasaan bacaan dan hafazan Al-Quran serta menerapkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian mereka.



GALERI  
MATTARY



# PUBLIC LECTURE: ISLAM DAN KEMANUSIAAN

Islam menekankan nilai kemanusiaan, keprihatinan, dan kasih sayang dalam setiap aspek kehidupan. Ajarannya menggalakkan umat untuk saling membantu, berbuat kebaikan, dan menjaga kebajikan masyarakat tanpa mengira latar belakang.

Sejajar dengan prinsip ini, Islamic Information Centre (IIC) telah menganjurkan kuliah umum bertajuk Islam dan Kemanusiaan pada 21 November 2024 di Auditorium Islamic Information Centre, Majlis Islam Sarawak (IIC-MIS). Program ini bertujuan untuk mendalami peranan Islam dalam membentuk masyarakat yang penyayang, prihatin, dan bertanggungjawab terhadap sesama manusia.

Antara objektif program Public Lecture: Islam dan Kemanusiaan ini adalah:

01. Mendalami konsep kemanusiaan dalam Islam

02. Menyebarkan kesedaran mengenai isu kemanusiaan global

03. Menyedarkan masyarakat tentang tanggungjawab sosial sebagai Muslim

Kuliah umum ini menampilkan tiga individu berpengalaman dalam bidang akademik dan kerja-kerja kemanusiaan, iaitu:


✓ **Profesor Madya Dr. Ahmad Sanusi Azmi**  
Timbalan Dekan di Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

✓ **The Helmis**  
Heliza Helmi dan Hazwani Helmi, aktivis kemanusiaan yang aktif dalam pelbagai misi bantuan di dalam dan luar negara.

Perkongsian oleh The Helmis dalam kuliah umum ini antara pengisian yang paling menyentuh hati para hadirin. Mereka berkongsi pengalaman mencabar sepanjang menjalankan misi kemanusiaan, termasuk menghadapi situasi darurat di zon konflik, kesukaran menyalurkan bantuan, serta kisah ketabahan para pelarian. Perkongsian ini bukan sahaja membuka mata audien terhadap realiti di medan kemanusiaan, tetapi juga membangkitkan kesedaran dan semangat untuk lebih prihatin serta membantu mereka yang memerlukan.

Diharapkan, program ini dapat memberi peluang kepada peserta untuk memahami bagaimana Islam menekankan kasih sayang, keprihatinan, dan kebajikan dalam kehidupan seharian. Dengan kehadiran penceramah seperti Profesor Madya Dr. Ahmad Sanusi Azmi serta aktivis kemanusiaan Heliza Helmi dan Hazwani Helmi, peserta dapat melihat bagaimana ajaran Islam diamalkan melalui tindakan nyata dalam membantu golongan memerlukan.





# GALERI IIC

# CADANGAN DAN KOMEN

## IMBAS QR

UNTUK CADANGAN  
DAN KOMEN



SILA IMBAS KOD QR YANG DISEDIAKAN UNTUK MEMULAKAN  
BORANG MAKLUM BALAS, CADANGAN DAN KOMEN  
MENGENAI BULETIN ASSALAM EDISI 4 2023

ISSN 2948-4103



9 772948 410005